

PROSEDUR PEMBERITAHUAN KEMALANGAN, KEMALANGAN NYARIS, KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN SERTA PENYIASATAN

1. TUJUAN

Prosedur ini -

- i. Menerangkan tentang tanggungjawab setiap staf, pelajar, kontraktor dan pelawat untuk memaklumkan sebarang Kemalangan, Kemalangan Nyaris, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan yang berlaku di UM kepada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) berkenaan.
- ii. Memastikan Ketua PTj menjalankan penyiasatan kemalangan bagi mengenal pasti punca dan masalah utama agar dapat dikawal atau diatasi.

2. SKOP

Prosedur ini hendaklah diterima pakai oleh semua aktiviti kerja di Universiti Malaya.

3. TANGGUNGJAWAB

- i. Semua staf, pelajar, kontraktor dan pelawat perlu mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam prosedur ini.
- ii. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kecil (JKKPK) PTj perlu memastikan setiap Kemalangan, Kemalangan Nyaris, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan disiasat dan dimaklumkan kepada Bahagian Keselamatan & Kesihatan dan Alam Sekitar (OSHE).
- iii. OSHE perlu memastikan setiap Kemalangan, Kemalangan Nyaris, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan dimaklumkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

4. TERMA DAN DEFINISI

Mengikut Peraturan-Peraturan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004:

a) Kemalangan

Sesuatu kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja yang mengakibatkan kecederaan maut atau kecederaan tidak maut.

b) Kecederaan

'Kecederaan badan yang serius' bermakna apa-apa kecederaan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama – Kecederaan Badan Yang Serius seperti di Lampiran A.

'Kecederaan maut' - ertinya kecederaan yang membawa kepada kematian serta merta atau kematian dalam tempoh satu tahun dari tarikh kemalangan.

'Kecederaan tidak maut' – ertinya:

- (a) kecederaan masa hilang yang menghalang seseorang pekerja daripada melaksanakan kerja biasa dan membawa kepada ketidakupayaan untuk bekerja biasa dan membawa kepada ketidakupayaan untuk bekerja secara kekal atau sementara; atau
- (b) kecederaan tiada masa jika yang tiada masa kerja yang hilang selain yang dikehendaki bagi rawatan perubatan.

c) Kejadian berbahaya

Suatu kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja dan termasuk dalam kelas yang dinyatakan dalam Jadual Kedua seperti di Lampiran B.

d) Keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan


Keracunan atau penyakit yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja dan termasuk dalam kelas yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga seperti di Lampiran C.

Selepas ini "Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan" disebut sebagai 'kemalangan' kecuali dinyatakan dengan jelas.

5. DOKUMEN RUJUKAN

- i. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994.
- ii. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kemalangan Nyaris, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan (NADOPOD) 2004.
- iii. Laman web Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (www.dosh.gov.my.)
- iv. Borang Laporan Kemalangan di bawah pautan UMPortal --> OSHE.

6. ALIRAN PROSEDUR



TANGGUNGJAWAB

- Pengerusi/ SU JKKPK
- Ketua PTJ

- Pengerusi/ SU JKKPK
- Ketua PTJ

- Pengerusi/ SU JKKPK
- Ketua PTJ
- OSHE bagi kejadian teruk / kemalangan maut

- JKKPK
- JKKPP

- OSHE

ALIRAN PROSEDUR

Menyalurkan tindakan pembedulan / pencegahan yang dicadangkan kepada Ketua PTj masing-masing

Melaksanakan tindakan dan maklum balas pembedulan dan pencegahan dalam masa 3 hari bekerja kepada PTj & OSHE

Laporan segera bagi kejadian utama / maut

Semak keberkesanan tindakan yang diambil

Penyimpanan Rekod

INTERFACE

- E-mel
- Mesyuarat JKKPK

- E-mel

- E-mel

7. PROSES KERJA

7.1 PEMBERITAHUAN KEMALANGAN DAN KEMALANGAN NYARIS KEPADA BAHAGIAN KESELAMATAN & KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR (OSHE)

Setiap Ketua PTj hendaklah memastikan setiap kemalangan dan kemalangan nyaris yang berlaku di tempat kerja masing-masing dilaporkan kepada OSHE sebaik sahaja kemalangan tersebut dikenal pasti atau berlaku di PTj masing-masing.

Ketua Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) yang menerima laporan kecemasan atau kemalangan dan seumpama untuk tindakan menyelamatkan hendaklah melaporkan kepada JKKPK masing-masing sebaik sahaja menerima laporan tersebut.

7.2 PENYIASATAN KEMALANGAN DAN KEMALANGAN NYARIS

7.2.1 JKKPK sebaik sahaja menerima notifikasi kemalangan hendaklah menjalankan siasatan untuk mendapatkan fakta/maklumat dan keterangan daripada individu yang terlibat secara langsung, mangsa kemalangan, saksi kemalangan, Ketua JKKPK atau mereka yang berkenaan dengan kaedah berikut:

- i. Menemu bual dan merekod kenyataan / percakapan
- ii. Menyiasat di tempat kejadian/kemalangan
- iii. Mengambil gambar foto/video
- iv. Mengumpul dokumen, bahan bukti dan seumpamanya

7.2.2 Berdasarkan siasatan awal tersebut juga, JKKPK hendaklah berbincang dengan Pengerusi JKKPK bagi memastikan samaada:

- i. kemalangan tersebut memerlukan penyiasatan lanjut Jawatankuasa Penyiasatan Khas; atau
- ii. dimaklumkan semasa mesyuarat JKKPK.

7.2.3 Sekiranya kemalangan yang berlaku memerlukan penyiasatan lanjut Jawatankuasa Penyiasatan Khas:

- i. Bentuk JK Penyiasatan Khas terlebih dahulu seperti berikut;
 - a) Ketua penyiasat.
 - b) *Subject matter expert* (SME).
 - c) Pegawai OSHE
 - d) Ahli JKKPK
- ii. Dalam tempoh 3 hari bekerja, sila majukan kepada OSHE yang berikut:
 - a) Borang Laporan Kemalangan seperti di Lampiran D
 - b) Borang Mangsa seperti di Lampiran E
 - c) Borang Saksi seperti di Lampiran F

- iii. Wakil OSHE boleh dijemput untuk mesyuarat;
- iv. Borang Laporan Penyiasatan Kemalangan seperti di Lampiran G perlu dimajukan kepada OSHE seurus selesai siasatan; dan
- v. Laporan Penyiasatan hendaklah di bawa untuk perbincangan
- vi. Mesyuarat JKKPK untuk dianalisa dan mengenal pasti:
 - a) Keperluan tindakan pembetulan
 - b) Tindakan pencegahan
 - c) Tindakan penambahbaikan berterusan

7.2.4 Jika kematian berlaku dalam tempoh setahun dari tarikh kemalangan, Pengerusi JKKPK perlu memaklumkan pihak OSHE secara bertulis dengan seberapa segera apabila diketahuinya.

7.2.5 Pengerusi JKKPK perlu memaklumkan OSHE sekiranya cuti sakit staf, pelajar, kontraktor atau pelawat melebihi 4 hari kalendar dalam satu sijil sakit.

7.3 KERACUNAN ATAU PENYAKIT PEKERJAAN

Jika seseorang yang mengidap atau mungkin mengidap keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan, Pengerusi JKKPK hendaklah menghantar laporan kemalangan kepada OSHE dalam masa 3 hari bekerja dengan menggunakan borang berikut:

- i. Borang Laporan Kemalangan
- ii. Borang Mangsa
- iii. Borang Saksi

7.4 PEMBERITAHUAN KEMALANGAN KEPADA JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA (JKKP) OLEH OSHE.

7.4.1 Kemalangan dan Kejadian Berbahaya

Pegawai OSHE hendaklah melaporkan kepada JKKP yang terdekat dengan cara yang paling cepat dan dalam masa 7 hari bekerja menghantar laporan kemalangan dengan menggunakan borang JKKP 6 Laporan Mengenai Kemalangan / Kejadian Berbahaya bagi kemalangan atau kejadian berbahaya berikut:

- i. Mati atau
- ii. Kecederaan badan yang serius dan menghalang daripada mengikuti pekerjaan biasa selama lebih 4 hari kalendar (mendapat cuti sakit melebihi 4 hari kalendar)
- iii. Kejadian berbahaya

7.4.2 Seseorang yang mengalami kecederaan badan yang menghalangnya daripada mengikuti pekerjaan biasa selama lebih 4 hari kalendar, OSHE hendaklah menghantar laporan kemalangan kepada JKKP yang terdekat dalam masa 7 hari bekerja dengan menggunakan borang JKKP 6 Laporan Mengenai Kemalangan / Kejadian Berbahaya.

7.5 KERACUNAN ATAU PENYAKIT PEKERJAAN

Jika seseorang yang menghidap atau mungkin mengidap keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan, OSHE hendaklah menghantar laporan kemalangan kepada JKKP yang terdekat dalam masa 7 hari bekerja menerusi laman sesawang DOSH.

7.6 KEPERLUAN PENYIMPANAN MAKLUMAT RELEVAN

OSHE hendaklah merekod dan menyelenggarakan rekod berhubung setiap Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan samaada yang perlu dilaporkan kepada JKKP atau tidak dengan menggunakan borang JKKP 8 Daftar Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan

7.4.1 Daftar tersebut perlu disimpan sekurang-kurangnya selama 5 tahun dari tarikh kejadian.

7.4.2 Daftar tersebut perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah JKKP pada setiap tahun, iaitu sebelum 31 Januari bagi daftar yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

8. REKOD

Bil	Rekod	Lokasi	Tanggungjawab	Tempoh Simpanan
1	Borang Laporan Kemalangan / Insiden	Pejabat Pengerusi JKKPK OSHE	Setiausaha JKKPK PTj Staf berkenaan di OSHE	5 Tahun
2	Borang Mangsa			
3	Borang Saksi			
4	Laporan Penyiasatan Kemalangan			
5	Borang JKPP 6 Laporan Mengenai Kemalangan / Kejadian Berbahaya	OSHE	Staf berkenaan di OSHE	
6	Borang JKPP 7 Laporan Mengenai Keracunan Pekerjaan/ Penyakit Pekerjaan			
7	Borang JKPP 8 Daftar Kemalangan, Kejadian Berbahaya , Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan			
8	Borang JKPP 9 Maklumat Berkaitan Kemalangan			
9	Borang JKPP 10 Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan			

JADUAL PERTAMA
[subperaturan 5(1)]
KECEDERAAN BADAN YANG SERIUS

1. Emaskulasi
2. Kurang penglihatan yang kekal salah satu mata
3. Kurang pendengaran yang kekal salah satu telinga
4. Kurang mana-mana anggota atau sendi
5. Kemusnahan atau kerosakan yang kekal upaya mana-mana anggota atau sendi
6. Kecacatan yang kekal pada kepala atau muka
7. Patah atau dislokasi tulang
8. Hilang kesedaran akibat daripada kekurangan oksigen
9. Hilang kesedaran atau sakit akut akibat daripada penyerapan, penyedutan atau pengingesan apa-apa bahan, yang memerlukan rawatan oleh pengamal perubatan berdaftar
10. Apa-apa hal tentang keadaan tidak sihat akut yang terdapat sebab untuk mempercayai bahawa hal ini ialah akibat daripada pendedahan kepada patogen terasing atau bahan yang dijangkiti semasa bekerja
11. Apa-apa kecederaan atau luka terbakar lain yang berhubungan dengan kerja yang mengakibatkan orang yang tercedera dimasukkan ke dalam hospital dengan serta-merta selama lebih daripada 24 jam.

JADUAL KEDUA
[subperaturan 5(1)]
KEJADIAN BERBAHAYA

BAHAGIAN I
KEJADIAN BERBAHAYA YANG BOLEH DIBERITAHU APABILA BERLAKU DI MANA-MANA

KERUNTUHAN PERANCAH

1. Keruntuhan atau keruntuhan sebahagian daripada mana-mana perancah yang tingginya lebih daripada 5 meter yang mengakibatkan sebahagian besar daripada perancah jatuh atau terbalik.

KERUNTUHAN BANGUNAN ATAU STRUKTUR

2. Di mana-mana bangunan atau struktur yang dalam pembinaan, pembinaan semula, pengubahsuaian atau perobohan, keruntuhan atau keruntuhan sebahagian daripada mana-mana bahagian bangunan atau struktur itu, atau daripada mana-mana topang sementara, kecuali jika cara dan takat keruntuhan atau keruntuhan sebahagian disengajakan.

LITAR PINTAS ELEKTRIK

3. Litar pintas atau beban lampau elektrik yang disertai api atau letupan yang mengakibatkan pemberhentian loji yang terlibat selama lebih daripada 24 jam dan yang mungkin boleh menyebabkan kecederaan badan yang serius kepada mana-mana orang.

PELEPASAN BAHAN

4. Pembebasan atau pelepasan tidak terkawal apa-apa bahan atau agen dalam hal keadaan yang mungkin boleh menyebabkan kerosakan kepada kesihatan atau kecederaan yang serius kepada mana-mana orang.

LETUPAN, KEBAKARAN ATAU KEGAGALAN STRUKTUR

5. Letupan, kebakaran atau kegagalan struktur yang menjejaskan keselamatan atau kekuatan mana-mana tempat kerja atau loji yang terdapat di dalam tempat kerja itu.
6. Apa-apa letupan atau kebakaran yang berlaku di mana-mana tempat kerja yang berpunca daripada penyalaan bahan terproses, barangan sampingan atau barangan siapnya yang mengakibatkan pemberhentian atau penggantungan kerja biasa di tempat itu selama lebih daripada 24 jam.
7. Peletusan bekas yang berputar, roda, batu pengasah atau roda pengasah yang digerakkan oleh kuasa mekanik.
8. Peletusan, peletupan atau keruntuhan talian paip atau mana-mana bahagiannya; atau penyalaan apa-apa benda di dalam talian paip, atau apa-apa benda yang sebaik sebelum ia dinyalakan, berada di dalam talian paip.
9. Peletusan, peletupan atau keruntuhan talian paip atau mana-mana bahagiannya; atau penyalaan apa-apa benda di dalam talian paip, atau apa-apa benda yang sebaik sebelum ia dinyalakan, berada di dalam talian paip.
10. Kebakaran atau letupan di dalam sesuatu gudang atau kawasan penyimpanan di mana bahan berbahaya disimpan.

JENTERA PENGANGKAT DSB

11. Keruntuhan, keterbalikan atau kegagalan apa-apa beban yang menahan sebahagian daripada mana-mana kren, derik, win pesawat angkat, kerangka cerucuk, lif, pengorek atau perkakas lain yang digunakan untuk menaikkan atau menurunkan orang atau barang atau mana-mana bahagiannya.

JADUAL KETIGA

[Peraturan 7]

KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN

Ruang 1	Ruang 2
<i>Perihal keracunan atau penyakit pekerjaan</i>	<i>Jenis aktiviti/pekerjaan</i>
KERACUNAN	
1. Keracunan oleh:	
(a) Monomer Akrilamida	Apa-apa aktiviti.
(b) Alkohol, glikol, keton atau aldehid	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap atau wap alkohol, glikol, keton atau aldehid.
(c) Antimoni	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap antimoni atau sebatian antimoni atau bahan yang mengandungi antimoni.
(d) Arsenik	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap arsenik atau sebatian arsenik atau bahan yang mengandungi arsenik atau pendedahan kepada apa-apa larutan yang mengandungi arsenik atau sebatian arsenik.
(e) Benzena atau homolog	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap yang mengandungi benzena atau apa-apa homolognya dan terbitan amino dan nitronya.
(f) Berilium atau salah satu daripada sebatianannya	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap berilium atau sebatian berilium atau bahan yang mengandungi berilium.
(g) Kadmium	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap kadmium atau sebatian kadmium atau bahan yang mengandungi kadmium.
(h) Karbon disulfida	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap karbon disulfida atau sebatian karbon disulfida atau bahan yang mengandungi karbon disulfida.
(i) Gas karbon monoksida	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada gas karbon monoksida, dan apa-apa proses yang melibatkan penggunaan-penggunaan (a) dinamit dan serbuk letupan bagi peletusan di lorong-lorong di bawah tanah; (b) gas penyinar; (c) gas kuasa atau gas relau;

	(d) relau bagas, relau dan dapur bagi pembakaran kok arang dan bahan api lain;
	(e) enjin gas.
(j) Gas karbon dioksida	Peletusan, pengilangan air mineral, penapaian di kilang-kilang bir dan pembentukan kapur di tanur-tanur kapur.
(k) Kromium	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap kromium. atau sebatian kromium atau bahan yang mengandungi kromium.
(l) Dietilena dioksida (dioksana)	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap atau wap yang mengandungi dietilena dioksida.
(m) Etilena oksida	Apa-apa aktiviti.
(n) Fluorin	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap fluorin atau sebatian fluorin atau bahan yang mengandungi fluorin.
(o) Gas hidrogen sianida atau gas hidrogen sulfida	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap atau wap hidrogen sianida atau hidrogen sulfida.
(p) Plumbum atau sebatian	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap plumbum atau sebatian atau bahan yang mengandungi plumbum.
(q) Mangan atau sebatianya	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap mangan atau sebatian mangan atau bahan yang mengandungi mangan.
(r) Raksa atau salah satu sebatianya	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap raksa atau sebatian raksa atau bahan yang mengandungi raksa.
(s) Metil bromida	Apa-apa aktiviti.
(t) Nitroklorobenzena, atau terbitan nitro, amino atau kloro daripada benzena atau homolog benzene	Apa-apa aktiviti.
(u) Nikel	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap nikel atau sebatian nikel atau bahan yang mengandungi nikel.
(v) Wasap nitrus	Penggunaan atau pengendalian asid nitric atau pendedahan kepada wasap nitrus.
(w) Organoklorin, organofosfat, karbamat, nitrofenol, pentaklorofenol, dimetil-ditiokarbamat atau sebatian klorofenoksi dan dipiridil	Penggunaan atau pengendalian organoklorin, organofosfat, karbamat, nitrofenol, dimetil-ditiokarbamat atau sebatian-sebatian klorofenoksi dan dipiridil untuk membinasakan makhluk perosak atau <i>vermin</i>

- | | |
|--|--|
| (x) Fosforus | Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap fosforus atau sebatian fosforus atau bahan yang mengandungi fosforus. |
| (y) Kayu Rengas | Pengerjaan kayu Rengas atau apa-apa proses pengilangan barang-barang daripadanya atau proses yang bersampingan dengan pengilangan barang-barang daripadanya. |
| (z) Terbitan halogen daripada hidrokarbon alifatik atau aromatik | Pengeluaran, pembebasan atau penggunaan hidrokarbon daripada siri alifatik atau siri aromatik dan terbitan-terbitan halogenya. |

JANGKITAN

- | | |
|----------------------------|--|
| 2. Antraks | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pengendalian benang bulu, rambut, bulu kejur, belulang atau kulit atau hasil-hasil atau baki-baki lain daripada binatang, atau hubungan dengan binatang-binatang yang dijangkiti antraks. |
| 3. Glanders | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan hubungan dengan binatang jenis kuda atau bangkainya. |
| 4. Leptospirosis | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja di tempat-tempat yang banyak tikus atau rodent yang lain dan apa-apa pekerjaan yang melibatkan penjagaan atau pengendalian anjing-anjing, lembu kerbau, babi dan kuda atau mana-mana binatang lain yang telah dijangkiti penyakit. |
| 5. Tuberkulosis atau kusta | <p>Apa-apa pekerjaan yang melibatkan hubungan yang rapat atau kerap dengan sumber atau sumber-sumber jangkitan tuberkulosis atau kusta disebabkan oleh pekerjaan-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) dalam rawatan perubatan seseorang yang menghidap tuberkulosis atau kusta atau dalam sesuatu perkhidmatan yang bersampingan dengan rawatan itu; (b) dalam melayan seseorang yang menghidap tuberkulosis atau kusta, jika layanan itu adalah perlu oleh sebab kelemahan jasmani atau mental orang itu; (c) sebagai seorang penyelidik yang menjalankan penyelidikan berkenaan dengan tuberkulosis atau kusta; atau (d) sebagai seorang pekerja makmal, ahli patologi atau pekerja <i>post-mortem</i>, jika pekerjaan itu melibatkan penggunaan benda yang menjadi sumber jangkitan tuberkulosis atau kusta atau dalam apa-apa pekerjaan yang bersampingan dengan pengajian itu. |

6. Hepatitis virus

Apa-apa pekerjaan yang melibatkan--

- (a) hubungan yang rapat dan kerap dengan darah manusia atau hasil-hasil darah manusia; atau
- (b) hubungan yang rapat dan kerap dengan sumber jangkitan hepatitis virus kerana bekerja memberikan rawatan perubatan kepada orang atau orang-orang yang menghidap penyakit hepatitis virus, atau dalam sesuatu perkhidmatan yang bersampingan dengan rawatan itu.

7. Apa-apa penyakit yang disebabkan oleh patogen

Kerja yang melibatkan patogen yang menyebabkan bahaya kepada kesihatan manusia

8. *Acquired Immunodeficiency Syndrome* (AIDS)

Apa-apa pekerjaan yang melibatkan

- (a) hubungan yang rapat dan kerap dengan darah manusia atau hasil-hasil darah manusia; atau
- (b) hubungan yang rapat dan kerap dengan sumber jangkitan AIDS kerana bekerja memberikan rawatan perubatan kepada orang yang menghidap AIDS, atau orang-orang yang dijangkiti *Human Immuno deficiency Virus* atau dalam sesuatu perkhidmatan yang bersampingan dengan rawatan itu.

PENYAKIT KULIT

9. Akne

Kerja yang melibatkan pendedahan kepada minyak mineral, tar, gegala atau arsenik.

10.10.

(a) Keulseran pada permukaan kornea mata

Apa-apa pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada tar, gegala, sekam padi, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga, habuk organik atau apa-apa baki mana-mana bahan ini.

(b) Ketumbuhan baru setempat pada kulit, papiloma atau keratitis

(c) Barah epitelium atau ulser pada kulit disebabkan, dalam apa-apa hal, oleh tar, gegala, sekam padi, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga atau apa-apa sebatian, hasil atau baki mana-mana bahan ini.

11. Folikulitis

Kerja yang melibatkan pendedahan kepada minyak mineral, tar, gegala atau arsenik.

12. Barah kulit

Kerja yang melibatkan pendedahan kepada minyak mineral, tar, gegala atau arsenik.

13. Keulseran krom

Apa-apa pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian asid kromik, kromat atau bikromat ammonia, kalium, zink atau natrium, atau

- | | |
|---|--|
| | apa-apa persediaan atau larutan yang mengandung mana-mana bahan ini. |
| 14. Radang, keulseran atau penyakit malignan pada kulit atau tisu subkulitan tulang atau leukemia, atau anemia jenis aplasia akibat sinaran X, zarah mengion, radium atau bahan radioaktif lain atau bentuk tenaga sinaran lain | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada sinar-X, zarah mengion, radium atau bahan radioaktif lain atau bentuk tenaga sinaran lain. |
| 15. Selulitis subkulitan atau bursitis akut yang terjadi pada atau di sekitar lutut. | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada atau di sekitar lutut. |
| 16. Selulitis subkulitan pada tangan | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada tangan. |
| 17. Selulitis subkulitan atau bursitis akut yang terjadi pada atau di sekitar siku | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada siku. |
| 18. Dermatitis pekerjaan | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pengendalian minyak mineral, asid, alkali, habuk atau apa-apa agen luaran lain yang boleh mengganggu kulit. |
| 19. Penyakit kulit yang disebabkan proses oleh kayu Rengas | Pengerjaan kayu Rengas atau apa-apa dalam atau bersampingan dengan pengilangan barang-barang daripadanya. |

PENYAKIT PARU-PARU

- | | |
|--|--|
| 20. Barah para-paru atau mesothelioma yang disebabkan oleh asbestos | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan yang perlombongan, pemprosesan atau pengendalian benda-benda yang mengandungi asbestos. |
| 21. Penyakit bronko pulmonari | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang banyak kepada sedutan habuk logam keras, habuk kapas, habuk flaks atau rami atau sisal atau daun teh atau sekam padi. |
| 22. Kerengsaan pulmonari | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan sedutan sulfur oksida, klorin, fosgen, ammonia, bromin, ozon atau nitrogen dioksida. |
| 23. Asma pekerjaan yang disebabkan oleh pemeka atau perengsa | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada sedutan habuk-habuk mineral seperti simen, kuprum, zink, habuk binatang seperti tulang atau rambut, atau habuk yang berasal daripada tumbuhan seperti kapas, kayu, flaks, jut, sekam padi, gabus, rempah, rami, sisal, tembakau, teh, tepung atau gas atau wap-wap toluena diisosiyanat atau formaldehid atau apa-apa agen lain yang boleh menyebabkan asma. |
| 24. Pneumokoniosis (silikosis, asbestosis, antrakosilikosis, stanosis, siderosis atau siderosilikosis) | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan-
(a) kerja-kerja melombong, mengkuari atau mengerjakan batu silica atau mengerjakan pasir |

kuarzos kering atau apa-
apa endapan kering silika
atau baki kering silika atau
apa-apa

campuran kering yang mengandung benda-benda itu;

- (b) pengendalian mana-mana benda yang dinyatakan dalam subperenggan (a) dalam atau bersampingan dengan mana-mana pekerjaan yang disebut di dalamnya atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada pekerjaan itu;
- (c) pemecahan, penghancuran atau pengisaran flin atau pengerjaan atau pengendalian flin pecah, hancur atau terkisar atau benda-benda yang mengandung flin sedemikian atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada pekerjaan itu;
- (d) peletusan pasir dengan menggunakan udara mampat bersama-sama dengan penggunaan pasir kuarzos atau batu silika atau flin yang dihancurkan, atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada peletusan pasir itu;
- (e) pengisaran grafit mineral atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada pengisaran itu;
- (f) pekerjaan di tempat peleburan atau pelaksanaan, atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada mana-mana pekerjaan yang berikut:
 - (i) pembebasan tuangan keluli daripada bahan siliseus yang melekat;
 - (ii) pembebasan tuangan logam daripada bahan siliseus yang melekat;
- (g) pengilangan barang-barang tembikar kaolin atau tembikar (termasuk barang tembikar sanitari, jubin tembikar elektrik), dan apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (h) pengolahan granit atau batu igneus oleh tukang batu atau penghancuran benda-benda tersebut atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (i) penggunaan atau penyediaan bagi kegunaan, batu giling atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;

- (j) pembersihan kerak dandang atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (k) pengerjaan atau pengendalian asbestos atau apa-apa campuran asbestos, atau pengilangan atau pembaikan tekstil asbes-tos atau barang-barang lain yang mengandungi asbestos atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada mana-mana pekerjaan yang disebut terdahulu;
- (l) pekerjaan di mana-mana lombong (di bawah tanah atau di atas tanah) yang salah satu daripada tujuan pekerjaan melombong itu adalah untuk mendapatkan apa-apa mineral, atau pengerjaan atau pengendalian apa-apa mineral yang diekstrak daripadanya, atau mana-mana pekerjaan yang bersampingan dengannya;
- (m) pengilangan elektrod karbon bagi kegunaan pengekstrakan elektronik aluminium oksida dan apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (n) pendedahan kepada sedutan habuk yang mengandungi besi dan silika atau hematit;
- (o) pendedahan kepada sedutan habuk atau wasap timah; penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada habuk talkum atau bahan yang mengandungi talkum;
- (p) penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap aluminium atau bahan yang mengandungi aluminium.

25. Alveolitis ekstrinsik (penyakit paru-paru petani)

Pendedahan kepada kulat, termasuk spora fungus atau protein heterologus semasa bekerja dalam bidang:

- (a) pertanian, hortikultur, perhutanan, penanaman cendawan boleh dimakan atau pemrosesan malt;
- (b) pemuatan atau pemunggaan atau pengendalian di tempat simpanan bahan tumbuhan berkulat atau cendawan boleh dimakan;
- (c) penjagaan atau pengendalian burung;
- (d) pengendalian hampas tebu; atau

	(e) penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada sekam atau habuk padi atau bahan yang mengandungi sekam padi.
26. Bisinosis	Bekerja di dalam mana-mana bilik tempat apa-apa proses sehingga dan termasuk proses menenun dilakukan di dalam sesuatu kilang yang di dalamnya pemintalan atau pengerjaan kapas mentah atau kapas sisa atau flaks atau penenunan kapas atau flaks dijalankan.
27. Barah bronkus atau paru-paru	Bekerja di dalam kilang tempat nikel dihasilkan melalui penguraian sebatian nikel bergas yang memerlukan kerja dibuat di dalam atau di sekitar bangunan atau bangunan-bangunan tempat proses itu atau mana-mana proses industri lain yang bersampingan dengannya, dijalankan.
28. Penyakit fibrotik	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan paru-paru, penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap arang batu atau bahan yang mengandungi arang batu.

KEADAAN LAIN

29. Barah yang disebabkan oleh--	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan--
(a) 4-aminobifenil	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap 4-aminobifenil atau bahan yang mengandungi 4-aminobifenil;
(b) Arsenik	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap arsenik atau bahan yang mengandungi arsenik;
(c) Benzena	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap benzena atau bahan yang mengandungi benzena;
(d) Benzidina	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap benzidina atau bahan yang mengandungi benzidina;
(e) Bis-kloro metil eter	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap bis-kloro metil eter atau bahan yang mengandungi bis-kloro metil eter;
(f) Kromium	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap kromium atau bahan yang mengandungi kromium;
(g) Hematit	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap hematit atau bahan yang mengandungi hematit;
(h) Gas mustard	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada gas mustard atau bahan yang mengandungi gas mustard;
(i) β -naftilamina	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap β -naftilamina atau bahan yang mengandungi β -naftilamina;
(j) Nikel	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap nikel atau bahan yang mengandungi nikel;

(k) Jelaga, tar dan minyak	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada jelaga, tar dan minyak;
(l) Vinil klorida	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap vinil klorida atau bahan yang mengandungi vinil klorida;
(m) Hidrokarbon aromatic polisiklik berbentuk zarah	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap hidrokarbon aromatik polisiklik atau bahan yang mengandungi hidrokarbon aromatik polisiklik;
(n) Akrilonitril	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap akrilonitril atau bahan yang mengandungi akrilonitril;
(o) 1,2-dibromoetana (etilena dibromida)	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap etilena dibromida atau bahan yang mengandungi etilena dibromida;
(p) Habuk kayu	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada habuk kayu yang terbit daripada pengilangan keluaran-keluaran kayu;
(q) Benz-o-pirena	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap benz-o-pirena atau bahan yang mengandungi benz-o-pirena;
(r) Formaldehid	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada gas formaldehid.
30.Katarak sinaran haba	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang kerap atau lama kepada cahaya atau sinar daripada kaca lebur atau logam lebur atau logam merah pijar atau pendedahan yang kerap atau lama kepada sinaran.
31.Kejang haba atau strok haba	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang berlebihan kepada haba.
32.Radang salutan sendi pergelangan	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar tangan dan sarung tendon atau pergerakan tangan atau pergelangan tangan yang kerap atau berulang.
33.Kejang tangan atau lengan bawah akibat pergerakan berulang	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan tempoh yang lama menulis, menaip atau pergerakan berulang lain jari, tangan atau lengan
34.Penyakit udara mampat atau susulannya	Apa-apa pekerjaan atau proses yang dijalankan di dalam udara mampat atau di bawah permukaan air
35.Kerosakan pendengaran disebabkan kebisingan	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang berlebihan kepada bunyi bising industri pada aras tekanan bunyi tinggi yang melebihi 85 desibel bagi tempoh 8 jam.
36.Penyakit disebabkan getaran (masalah otot, tendon, tulang, sendi, saluran darah atau saraf)	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada getaran.

UNIVERSITI MALAYA



LAPORAN KEMALANGAN/INSIDEN

SEKSYEN I - BUTIR-BUTIR PELAPOR

Nama : _____

Jawatan (sekiranya berkerja di UM): _____

Tempat Kerja : _____

No. K.P. : _____

No. Tel. : _____ (Pejabat) _____ (H/p)

Alamat Dihubungi: _____

SEKSYEN II - BUTIR-BUTIR KEMALANGAN/INSIDEN

Tempat Kemalangan/Insiden: _____

Tarikh Kemalangan/Insiden : _____


Masa Kemalangan/Insiden : _____

Keterangan Lanjut Tentang
Kemalangan/Insiden: (Gunakan kertas
tambahan jika perlu)

Tandatangan

Tarikh Laporan: _____

UNIVERSITI MALAYA



LAPORAN MANGSA

SEKSYEN I - BUTIR-BUTIR MANGSA

Nama : _____

No. K.P : _____

Tarikh Lahir : _____

Jantina : _____

Tempat Kerja : _____

Jawatan (sekiranya di Universiti Malaya): _____

No. Tel. : _____ (Pejabat) _____ (H/p)

Alamat Untuk Dihubungi: _____

SEKSYEN II - BUTIR-BUTIR KEMALANGAN

Jenis Penyakit/Kecederaan/Kerosakan(beri keterangan lanjut):

Tempat Penyakit Dikesan/Kemalangan/Insiden/Kerosakan : _____

Tarikh Penyakit Dikesan/Kecederaan/Insiden/Kerosakan: _____

Masa Penyakit Dikesan/Kemalangan/Insiden/Kerosakan : _____

Keterangan Lanjut Tentang

Penyakit/Kemalangan/Insiden/Kerosakan : (Gunakan kertas tambahan jika perlu)

Ulasan lain (jika ada) :

(Sila lampirkan Laporan Pemeriksaan Kesihatan)

SEKSYEN III - BUTIR-BUTIR ORANG YANG MENGISI BORANG INI
(sekiranya selain dari mangsa sendiri)

Nama: _____

Jawatan (sekiranya di Universiti Malaya): _____

Tempat Kerja: _____

Hubungan dengan Mangsa : _____

No. Tel: _____ (Pejabat) _____ (Hp)

Alamat UntukDihubungi: _____

Tandatangan

Tarikh Laporan: _____

*Borang yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Ketua PTj di mana Penyakit/
Kemalangan/ Insiden tersebut berlaku.

UNIVERSITI MALAYA



LAPORAN SAKSI

SEKSYEN I - BUTIR-BUTIR SAKSI

Nama : _____

Jawatan (sekiranya berkerja di UM): _____

Tempat Kerja : _____

No. K.P. : _____

No. Tel. : _____ (Pejabat) _____ (H/p)

Alamat Untuk Dihubungi: _____

SEKSYEN II - BUTIR-BUTIR KEMALANGAN/INSIDEN

Tempat Kemalangan/Insiden: _____

Tarikh Kemalangan/Insiden : _____

Masa Kemalangan/Insiden : _____


Keterangan Lanjut Tentang Kemalangan/Insiden:
(Gunakan kertas tambahan jika perlu)

Saya telah membaca yang tersebut di atas/memahami apa yang dibaca kepada saya dan mengakui bahawa semuanya betul dan benar sepanjang pengetahuan saya.

Tandatangan

Tarikh Laporan: _____

UNIVERSITI MALAYA

**LAPORAN PENYIASATAN KEMALANGAN**

Arahan : Diisi Oleh Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan dan Ketua Pusat Tanggungjawab
Tandakan Yang Berkenaan

SEKSYEN I - BUTIR-BUTIR PUSAT TANGGUNGJAWAB

Nama & Alamat:

No. Tel : _____

No. Fax : _____

SEKSYEN II - BUTIR-BUTIR MANGSA

Nama Penuh: _____

No. K.P.: _____ (Lama) _____ (Baru)

Umur: _____ Tahun Jantina: L P

Jawatan: _____

Tugas Biasa Mangsa: _____

Tempoh Berkhidmat: _____ Tahun _____ Bulan

Status Perkhidmatan: Tetap Sementara Kontrak _____ (Lain-lain)

Alamat Tempat Tinggal:

SEKSYEN III - MAKLUMAT KEMALANGAN

Tarikh Kejadian: _____ Masa: _____ Pg/Ptg/Mlm

Pada Masa Kerja: Biasa Syif Lebih Masa _____ (Lain-lain)

Tempat Kejadian:

Tugas Yang Dilakukan Ketika Kemalangan/Insiden:

Bil. Hari Cuti Sakit: _____ Tarikh Mula: _____ Hingga: _____

Jenis Kecederaan/Penyakit : Kekal Tidak Kekal Maut
(Sila lampirkan Laporan Perubatan, Sijil Kematian dan Laporan Autopsi)

Sila Nyatakan Anggota Badan Yang Cedera/Cacat/Sakit:

Rawatan Diberi:

Hospital/Klinik :

Perbelanjaan Kos Yang Berbangkit:

Perihalkan Kerosakan Harta Benda (Jika Ada):

SEKSYEN IV - LANGKAH PENGAWALAN KEMALANGAN SEBELUM KEJADIAN

Alat Perlindungan Diri (PPE) Yang Dibekalkan Kepada Mangsa :

Kasut Keselamatan Topi Keselamatan Perlindungan Pendengaran
 Perlindungan Pernafasan Perlindungan Mata _____

Penyeliaan: Secara Langsung Tidak Langsung Tiada Tidak Diperlukan

Bil. Staf Di bawah Pengawasan Penyelia: _____ Orang

Prosedur Kerja Selamat Untuk Kerja Terbabit :

Ada

Tiada

Nama Penyelia: _____

Ciri-ciri Keselamatan Yang Ada Pada Jentera Terbabit (Jika Berkaitan):

Senaraikan Latihan/Kursus Yang Telah Diberikan Kepada Mangsa (Jika berkaitan):

Tarikh	Modul Latihan/Kursus	Tempat

SEKSYEN V - PERIHAL KEMALANGAN

Catitkan mengikut turutan, kejadian yang membawa kepada kemalangan tersebut. Gunakan kertas tambahan jika perlu.

Masa	Keterangan Aktiviti

SEKSYEN V - PERIHAL KEMALANGAN (Sambungan)

Sila lakar/lukis (sketch/draw) bagaimana kejadian ini berlaku. Gunakan kertas tambahan jika perlu.

Sertakan foto yang menunjukkan bahan/loji/tempat kejadian.

SEKSYEN VI - FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB KEMALANGAN

Huraikan keadaan tidak selamat:

Huraikan tingkahlaku tidak selamat:

Huraikan faktor lain:

**SEKSYEN VII - LANGKAH-LANGKAH PEMBETULAN DAN PENCEGAHAN KEMALANGAN
DARIPADA BERULANG**

Langkah Segera:

Nama Pegawai Bertanggungjawab: _____

Tarikh Sasaran: _____

Langkah Jangka Pendek:

Nama Pegawai Bertanggungjawab: _____

Tarikh Sasaran: _____

Langkah Jangka Panjang:

Nama Pegawai Bertanggungjawab: _____

Tarikh Sasaran: _____

SEKSYEN VIII - BUTIR SAKSI (Sila lampirkan Laporan Saksi jika ada)

Nama	Jawatan	No. K.P

--	--	--

SEKSYEN IX - HAL-HAL LAIN (Jika Ada)

SEKSYEN XI - BUTIR-BUTIR AHLI JAWATANKUASA JKK YANG MEMBANTU DALAM MENYEDIAKAN LAPORAN

NAMA	NO. KAD PENGENALAN	JAWATAN	TANDATANGAN

SEKSYEN XII - BUTIR-BUTIR KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB YANG MENYEMAK LAPORAN

Nama: _____

No. K.P : _____

Jawatan: _____

Tandatangan

Tarikh: _____